

15 – 16 November 2018, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

## Aspek Kesejagatan dan Peradaban Falsafah Pendidikan Kebangsaan Dalam Pengajian Tinggi

*Prof. Emeritus Datuk Dr Osman Bakar*

*Profesor Ulung, Penyandang Kedua Kursi Al-Ghazzali Dalam Bidang Pemikiran Islam dan  
Shaykh al-Kulliyah ISTAC-IIUM*



### Mukadimah

Dalam membincarkan sesuatu falsafah pendidikan kebangsaan terutama sekali di zaman kita sekarang yang dikenali sebagai era globalisasi, adalah wajar segi dan dimensi kesejagatan atau keuniversalan dan dimensi ketamadunan atau peradaban yang dimiliki oleh falsafah berkenaan turut dibincangkan bersama dengan dimensi-dimensi lain. Ia dianggap wajar memandangkan bahawa dimensi kesejagatan dan dimensi ketamadunan tidak kurang pentingnya berbanding dengan dimensi-dimensinya yang lain. Malahan jika dilihat daripada beberapa sudut kedua-dua dimensi tersebut boleh dikira sebagai di antara yang terpenting dan yang paling bererti. Ketiadaannya akan menyebabkan falsafah pendidikan berkenaan kelihatan mempunyai banyak kekurangan dan kelemahan. Tidak keterlaluan jika kita membuat penegasan bahawa sebenarnya dimensi kesejagatan dan dimensi ketamadunan adalah merupakan sebahagian penting daripada ruh falsafah pendidikan. Ini bermakna bahawa kedua-dua dimensi ini mempunyai peranan penting dalam memastikan agar sesebuah falsafah pendidikan itu menjadi lebih hidup sebagai sumber inspirasi dengan daya tarikan yang sentiasa segar bagi masyarakat yang menjadi sasarannya. Demikianlah pentingnya kedua-dua dimensi ini. Kepentingannya akan lebih dirasai di peringkat pengajian tinggi kerana di peringkat inilah minda pelajar dan minda pengajar banyak dan sering bergelut dengan isu-isu semasa yang kebanyakannya membabitkan nilai-nilai kemanusiaan kesejagatan dan nilai-nilai ketamadunan.

Secara idealnya, sesebuah falsafah pendidikan dilihat sebagai baik lagi menarik dalam ertiata ianya bersifat komprehensif, menyeluruh dan progresif jika sekiranya ia memperlihatkan keseimbangan idea antara ciri-ciri keuniversalan (bahasa Arab: *kulli*) dan ciri-ciri kekhususan (bahasa Arab: *juz'i*), antara ciri-ciri global dan ciri-ciri tempatan, antara ciri-ciri kekal dan ciri-ciri berubah dan antara ciri-ciri kemanusiaan dan ciri-ciri kebendaan terutamanya yang berupa cetusan teknologi. Namun demikian, pada umumnya, dari segi praktik terdapat jurang perbezaan yang ketara di antara falsafah pendidikan yang tercatat dalam dokumen dan sistem pendidikan yang dilahirkan daripadanya. Biasanya, terdapat jurang kefahaman yang sudah tentu berbentuk idea dan fikiran di antara pengasas falsafah pendidikan berkenaan dan para pentafsir dan para pelaksananya. Bagi sebuah falsafah pendidikan yang dikira sangat baik pun di peringkat konsep dan teori, belum tentu bahawa pelaksanaan idea-idea yang

terkandung di dalamnya akan menghasilkan sebuah sistem pendidikan yang syumul dengan ciri-ciri yang menarik lagi menawan dan yang benar-benar menepati matlamat dan objektif-objektif falsafah pendidikan berkenaan. Boleh jadi hasil perlaksanaannya menyimpang jauh daripada matlamat asal yang telah ditetapkan di dalam falsafah tersebut.

Ada banyak faktor yang boleh mempengaruhi atau menjelaskan proses menterjemahkan falsafah itu kepada sebuah sistem amali dalam kehidupan masyarakat, khususnya dalam dunia pendidikan. Dalam kertas ini saya tidak bertujuan untuk membincangkan isu sejauh mana sistem pendidikan negara di bawah kepimpinan beberapa orang Menteri Pendidikan/Pelajaran telah berjaya mempraktikkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) atau sebaliknya pula membincangkan setakat mana sistem pendidikan negara telah menyimpang daripada matlamat yang telah digariskan dalam FPK. Pada pendapat saya, ada jurang pemisahan yang luas di antara FPK dan sistem pendidikan yang diamal dan dikembangkan di negara ini yang dianggap oleh pelbagai pihak sebagai cetusan sebenar falsafah pendidikan tersebut. Tetapi kertas ini tidak berhajat untuk membincangkan mananya isu yang saya sebutkan. Tumpuan utama kertas ini ialah untuk membincangkan setakat mana FPK memberi perhatian kepada isu-isu kesejagatan dan ketamadunan, khasnya di peringkat pengajian tinggi. Mukadimah yang telah saya ungkapkan sebentar tadi adalah sekadar untuk membuat penegasan awal tentang betapa pentingnya bagi sesebuah falsafah pendidikan kebangsaan memberi ruang yang sewajarnya kepada dimensi kesejagatan dan dimensi ketamadunan di dalam wawasannya.

### **Intisari Falsafah Pendidikan Kebangsaan**

Dalam bentuk penyataannya yang muktamad seperti yang telah disepakati oleh para penggubalnya FPK berbunyi seperti berikut:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”

Penyataan FPK dibuat pada tahun 1987, iaitu lebih tiga dekad yang lalu berdasarkan rumusan daripada segala usul dan cadangan berkaitan dengan isu-isu besar dan mendesak pendidikan negara yang telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Kabinet oleh pelbagai kelompok dan golongan dan lapisan masyarakat. Penyataan pendek dan padat FPK ini boleh dikembangkan dengan cara melakukan penghuraian lebih lanjut terhadap ungkapan-ungkapan tertentu di dalamnya yang merujuk kepada matlamat, dasar, proses dan strategi utama perlaksanaannya. Sekiranya istilah falsafah pendidikan kebangsaan hendak digunakan dengan pengertian yang

lebih luas ini dan sesungguhnya penghuraian seperti itu memang telah pun dilakukan, maka pernyataan FPK yang dimaksudkan bolehlah dianggap sebagai intisarinya. Walau bagaimana pun bagi tujuan membincangkan dimensi kesejagatan dan dimensi ketamadunan yang terdapat di dalam FPK, pernyataan yang dimaksudkan sudah pun memadai kerana ia sarat dengan idea-idea berkenaan dengan kedua-dua dimensi tersebut.

### Dimensi Kesejagatan Dalam FPK

Dalam mukadimah saya, telah disebutkan bahawa salah satu ciri baik sesebuah falsafah pendidikan ialah ciri keseimbangan antara unsur-unsur kesejagatan (keuniversalan) (*kulli*) dan unsur-unsur kekhususan (*juz'i*). Ternyata bahawa FPK Malaysia mempunyai ciri keseimbangan tersebut. Jika diteliti dengan cermat, didapati bahawa FPK mempunyai dua jenis matlamat, iaitu matlamat umum yang bersifat universal dan matlamat yang bersifat khusus. Matlamat pertama dan utama FPK ialah untuk “mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.” Matlamat kedua ialah untuk “melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.” Dari segi prinsip ada keselarasan dan keharmonian antara kedua-dua matlamat.

Matlamat pertama adalah bersifat kesejagatan atau keuniversalan kerana yang hendak diwujudkan ialah “insan yang seimbang dan harmonis.” Kita menyedari bahawa idea “insan yang seimbang dan harmonis” seperti yang ditakrifkan dalam FPK, iaitu seimbang dari segi “intelek, rohani, emosi dan jasmani” adalah idea universal. Idea ini bersifat universal dalam pengertian kefalsafahan dan epistemologi yang menekankan konsep kebenaran (*truth; haqq*) yang melampaui tempat dan masa dan konsep martabat kebenaran dan bukan dalam pengertian “sociological” yang menekankan idea kenyataan semasa atau kenyataan masakini (*current reality; waqi'*) yang terdapat dan tersebar di seluruh dunia, yakni yang bersifat global. Harus dibezakan antara makna universal dan makna global. Sesuatu yang berlaku atau yang terdapat secara global tidak semestinya bersifat universal. Idea yang palsu dan berbahaya atau amalan buruk boleh jadi berkembang ke seluruh dunia sehingga ia menjadi apa yang disebut sebagai fenomena global tetapi ia tidak boleh dianggap sebagai idea universal atau amalan universal.

Kesejagatan atau keuniversalan idea insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berpunca daripada kedudukannya sebagai konsep teras dalam ajaran semua agama yang berasal dari langit. Adalah benar bahawa idea insan yang dimaksudkan mendapat tempat dalam kepercayaan dan pemikiran manusia secara global tetapi ciri itu sendiri tidak melayakkannya untuk diterima sebagai idea universal. Setiap yang universal adalah juga yang bersifat global tetapi tidak pula sebaliknya! Maksudnya, sesuatu yang bersifat global tidak semestinya bersifat universal. Ada satu perkara lagi yang membezakan antara makna universal dan makna global. Makna universal boleh difahami pada beberapa peringkat.

Dengan kata lain terdapat martabat keuniversalan. Tetapi tidak demikian halnya dengan makna global. Oleh kerana ada konsep martabat atau hirarki kebenaran yang juga teradapat dalam tradisi semua agama, khasnya dalam agama Islam, maka terdapat pula idea martabat keuniversalan. Sebagai contoh, ada kebenaran saintifik tentang diri manusia dan ada kebenaran keagamaan atau kebenaran metafizik tentang diri manusia. Bahwasanya tubuh badan manusia mengandungi banyak unsur kimia dan juga mengandungi banyak sel adalah merupakan kebenaran saintifik di peringkat biologi. Tetapi bahwasanya manusia mempunyai jiwa dan ruh adalah merupakan kebenaran keagamaan di peringkat kosmologi dan metafizik.

Kedua-dua jenis kebenaran di dalam contoh yang diberikan adalah bersifat universal tetapi tahap keuniversalan masing-masing tidak sama. Dalam contoh ini di mana-mana kedua-dua kebenaran merujuk kepada hakikat diri manusia penegasan dibuat bahawa kewujudan pelbagai unsur mineral dan pelbagai sel dalam tubuh manusia adalah lebih rendah kehakikiannya berbanding dengan kewujudan jiwa dan ruh dalam tubuh manusia. Penegasan ini dibuktikan dalam ilmu ontologi, iaitu cabang ilmu falsafah yang mengkaji kewujudan. Menurut perspektif ilmu ini, jiwa dan ruh adalah lebih tinggi kedudukan ontologinya berbanding dengan jasad. Maka dikatakan bahawa konsep jiwa dan ruh adalah lebih universal daripada konsep jasad. Seiringan dengan itu ditegaskan pula bahawa kebenaran kosmologi dan metafizik bersifat lebih universal daripada kebenaran biologi. Pada umumnya, prinsip yang dipakai dalam membuat penegasan kefalsafahan seumpama ini berbunyi “semakin tinggi kedudukan kebenaran yang diperkatakan maka semakin lebih universal pula sifatnya.”

Perbincangan di atas tentang matlamat utama pendidikan yang terkandung di dalam FPK jelas menunjukkan bahawa agama memainkan peranan penting dalam mempengaruhi falsafah pendidikan negara Malaysia serta mencorakkan sistem pendidikan kebangsaan yang berasaskan kepadanya. Rumusan matlamat pendidikan yang dimasukkan ke dalam pernyataan FPK adalah berdasarkan konsep manusia dan falsafah kemanusiaan yang terdapat di dalam ajaran agama. Ruh dan jiwa merupakan dua entiti terpenting dalam perlumbagaan manusia menurut perspektif agama. Didapati bahawa bahasa rumusannya di dalam bentuk yang agak umum. Ini dapat dimengertikan memandangkan bahawa rakyat Malaysia terdiri daripada penganut pelbagai agama. Rumusan idea secara umum akan membolehkan penganut setiap agama mentafsirkan matlamat pendidikan tersebut serta menghuraikannya dengan lebih lanjut mengikut perspektif agama masing-masing. Begitulah yang diharapkan di peringkat teori oleh para pegasas dan perumusnya. Di peringkat pentafsiran dan penghayatan matlamat amat sedikit yang kita tahu kecuali apa yang tertulis dari perspektif Islam.

Secara relatif, memang ada jauh lebih banyak tulisan tentang matlamat FPK dari perspektif Islam berbanding dengan tulisan dari perspektif-perspektif lain. Namun demikian, kelihatan beberapa kekurangan signifikan dalam tulisan-tulisan yang menghuraikan matlamat FPK dari perspektif Islam. Dua kekurangan paling nyata ialah yang berkaitan dengan penjelasan tentang idea “insan yang seimbang dan harmonis” dan penjelasan tentang implikasi amali idea keseimbangan dan keharmonian dalam diri manusia kepada sistem ilmu pengetahuan dan jenis kurikulum yang seharusnya diwujudkan bagi mencapai matlamat FPK. Banyak yang ditulis

tentang akal, ruh, jiwa (*nafs*) dan emosi dan jasad dari pandangan Islam. Tetapi yang sedikit diterangkan ialah apa yang dimaksudkan dengan keseimbangan dan keharmonian antara unsur-unsur asasi manusia ini dan bagaimana pula untuk mempastikan wujudnya keseimbangan dan keharmonian yang dimaksudkan di dalam diri manusia serta menjamin terpeliharanya keseimbangan yang sudah tercapai itu di tengah-tengah masyarakat dalam zaman pancaroba. Peranan utama pendidikan adalah untuk membantu dalam mempastikan bahawa setiap insan yang dididik di dalam sistemnya akan berjaya menghayati keseimbangan dan keharmonian dalam dirinya. Tetapi seandainya kita kabur dengan konsep dan makna keseimbangan itu sendiri sudah pasti pencapaian matlamat FPK akan terjejas atau terbantut.

Demikian juga tidak banyak penjelasan dibuat tentang isu pertalian antara konsep keseimbangan dalam diri manusia dengan sistem ilmu pengetahuan yang hendak diwujudkan dalam masyarakat menerusi kurikulum pembelajaran yang syumul. Sepatutnya konsep keseimbangan itu sendiri yang mengasas dan mencorakkan sistem ilmu pendidikan yang hendak dijadikan sebagai teras sistem pendidikan negara. Dengan cara yang demikian barulah ada keselarasan dan hubungkait yang jelas antara konsep keseimbangan dalam diri insan dan konsep pendidikan bersepada yang dimajukan sebagai ciri utama sistem pendidikan negara. Saya tidak mendakwa bahawa tiada langsung keselarasan antara konsep-konsep dalam matlamat utama FPK dan sistem ilmu pengetahuan yang digubal untuk dihayati menerusi kurikulum pembelajaran kebangsaan. Pada umumnya, terdapat di sana sini keselarasan yang dimaksudkan. Tetapi yang saya persoalkan ialah betapa kurang jelasnya konsep keseimbangan dalam matlamat FPK sehingga menyebabkan pula kekaburuan dalam hubungan konsep antara matlamat FPK dan sistem ilmu pengetahuan yang diperlihatkan dalam kurikulum pendidikan. Di kalangan mereka yang menulis tentang matlamat FPK ungkapan keseimbangan antara tuntutan kerohanian dan tuntutan kejasmanian sering disebut tetapi jarang diuraikan apatah lagi dengan jelas. Dengan ketiadaan keseimbangan dan kesepaduan di peringkat konsep dan falsafah kemanusiaan khasnya dan di peringkat sistem ilmu pengetahuan amnya maka tidaklah menghairankan sekiranya kebanyakan pelajar sukar hendak mencapai keseimbangan dalam kehidupan mereka antara tiga dimensi penting, iaitu dimensi pemikiran dan keilmuan yang membabitkan peranan akal, dimensi keruhanian yang membabitkan peranan ruh dan dimensi kejasmanian dan sosial yang membabitkan peranan jasad dan jiwa. Setelah melalui fasa pembelajaran dan pendidikan di peringkat persekolahan dalam kerangka FPK para pelajar di institusi-institusi pengajian tinggi sepatutnya sudah mempunyai persiapan asas yang baik untuk menghadapi dengan berkesan segala cabaran terhadap kehidupan baru mereka di kampus dari segi kejasmanian, emosi, sosial, keagamaan dan intelektual.

Dalam memperkatakan bahawa matlamat utama FPK adalah berasaskan konsep manusia yang bersumberkan ajaran agama tetapi yang dianggap sebagai universal atau kesejagatan ada baiknya sekiranya dibuat perbandingan ringkas antara FPK dan falsafah pendidikan semasa yang merupakan pesaing dan pencabar kepadanya. Di antara tujuan utama perbandingan ini ialah untuk menunjukkan kesignifikantan FPK yang wajar dipelihara dan diperkuuhkan meskipun terdapat beberapa kelemahan baik dari segi konsep maupun penghayatan. Di negara-negara Barat dan Timur di mana agama samada telah ditolak atau

dipinggirkan daripada arus perdana wacana pendidikan negara sains telah mengambil alih tempat agama sebagai sumber konsep manusia dan falsafah kemanusiaan dan sumber falsafah pendidikan. Dengan kata lain, “religious worldview” sudah digantikan dengan “scientific worldview.” Dalam pandangan umum para pemikir dan para ilmuwan di negara-negara ini hanya yang bersifat dan bergelar saintifik layak untuk dianggap sebagai objektif dan universal manakala yang bersifat dan bergelar keagamaan (“religious”) dianggap sebagai subjektif dan kesukuan (“particularism”) belaka dan bukannya universal.

Pandangan “sekular” ini boleh disanggah dengan hujah-hujah rasional. Sebagai sanggahan pertama, dapat ditegaskan bahawa walaupun benar bahawa perspektif saintifik tentang diri manusia dan sifat-sifat kemanusiaan adalah juga perspektif universal, namun ajaran agama tentang manusia berada di tahap keuniversalan yang lebih tinggi seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Ternyata bahawa terdapat tanggapan salah golongan sekular ini terhadap sifat ajaran agama tentang manusia dan hakikat kemanusiaan. Mereka mengandaikan bahawa semua ajaran agama bersifat kesukuan atau “particularistic” yang kononnya menyebabkan agama-agama berbeza-beza dan saling bercanggah dalam semua perkara dan isu. Padahal yang sebenarnya, setiap agama sekaligus mempunyai dimensi universal dan dimensi khusus. Dimensi universal itulah yang memungkinkan agama-agama mempunyai kesamaan ajaran mengenai perkara-perkara dan isu-isu tertentu manakala dimensi khusus sesuatu agama menyebabkannya berbeza dengan agama-agama lain dan menjadikannya unik. Khasnya, agama-agama mempunyai beberapa kesamaan dari segi ajaran tentang hakikat manusia. Di antara kesamaan itu ialah kepercayaan bahawa manusia mempunyai roh dan jiwa yang perlu disempurnakan. Semua agama menegaskan bahawa roh dan jiwa adalah lebih hakiki daripada jasad dan lantaran itu kewujudan dan kebenaran roh masing-masing lebih tinggi dan lebih universal daripada kewujudan dan kebenaran jasad.

Sebagai sanggahan kedua, dapat dimajukan hujah bahawa perspektif agama pada umumnya adalah lebih luas dan lebih inklusif berbanding dengan perspektif saintifik. Agama, khasnya Islam, boleh menerima penemuan-penemuan sains tentang hakikat manusia selagi tidak ada percanggahan yang jelas antara ajaran agama dan penemuan sains. Malahan dalam pandangan Islam, perspektif keagamaan meliputi dan merangkumi perspektif saintifik. Dari perspektif agama, perbezaan yang rapi harus dibuat antara fakta dan teori saintifik. Oleh kerana fakta saintifik diterima umum sebagai kebenaran yang sudah terbukti menurut kaedah atau metod yang sah diterimakan di sisi ilmu epistemologi maka agama tiada berhalangan untuk menerimanya sebagai salah satu kebenaran dalam keseluruhan ajarannya dan memberi tempat dan peranan yang sesuai kepadaanya dalam sistem ilmu pengetahuannya. Lain kedudukannya dengan teori saintifik. Biasanya, bagi sesebuah teori saintifik, khasnya yang bersifat asasi, akan ada sahaja golongan yang menyokong dan membelaanya dan golongan yang mengkritik dan menentangnya. Soal golongan mana yang lebih besar tidak penting. Apa yang patut diberi perhatian dan pertimbangan ialah bahawasanya dari segi epistemologi status kebenaran teori saintifik tidak sama dengan status kebenaran fakta saintifik.

Kebenaran mana-mana teori saintifik merupakan satu perkara yang masih dipersoal atau dipertikaikan tetapi tidak demikian halnya dengan kebenaran fakta saintifik. Dengan kata lain, status kebenaran teori saintifik masih bersifat sementara atau tentatif. Tetapi sesuatu idea atau gagasan yang taraf kebenarannya bersifat tentatif tidak wajar dijadikan asas atau rukun pembangunan masyarakat. Walaupun teori saintifik, samada benar atau kurang benar, mungkin berguna dari segi keilmuan dan percambahan idea, namun ia tidak wajar untuk berperanan sebagai asas pembangunan manusia dan nilai-nilai kemanusiaan, misalnya sebagai asas FPK. Sekiranya kita memilih teori saintifik tentang hakikat kemanusiaan untuk menggantikan ajaran agama tentang manusia maka perbuatan itu akan mengundang ketidakstabilan masyarakat. Asas pembangunan manusia akan sering menjadi berubah-ubah. Nilai-nilai kemanusiaan yang hendak dipupuk menerusi pendidikan akan turut berubah-ubah. Jika itu terjadi kepincangan masyarakat akan menjadi-jadi dan berlarutan sehingga membawa kemusnahan kepada diri manusia sendiri.

Sebagai sanggahan ketiga, dapat ditegaskan bahawa sebenarnya sains tidak berupaya untuk menggantikan agama sebagai sumber tunggal ajaran tentang hakikat manusia. Peranan hakiki sains bukanlah untuk menjadi pengganti agama tetapi menjadi pelengkapnya. Sains tidak mampu menjadi pengganti kerana keterbatasan metodologinya untuk memberi gambaran yang lebih menyeluruh tentang hakikat manusia. Dalam bidang kuasanya dan otoriti keilmuannya selaras dengan kaedah pengajian yang unik baginya ternyata bahawa sains mempunyai kemampuan luar biasa untuk membuat penemuan-penemuan penting tentang rahsia kejadian dan perlumbagaan manusia yang berkaitan dengan jasad dan ciri-ciri biologinya. Tetapi sains tidak mampu untuk membuktikan secara muktamad samada ruh dan jiwa manusia wujud atau tidak. Agamalah yang memberi tahu kita banyak perkara tentang ruh, jiwa dan akal yang tidak dapat diketahui oleh sains.

Kesignifikanan perbandingan ringkas ini antara kedudukan dan peranan agama dan peranan sains sebagai pembekal pengetahuan tentang sifat dan hakikat manusia dapat dilihat dari beberapa segi. Pertama, kita dapat melihat bahawa FPK mempunyai matlamat yang berasaskan konsep manusia dan falsafah kemanusiaan yang padu dan kukuh dan yang universal sifatnya. Keuniversalan matlamat utama FPK diperkuuhkan bukan sahaja oleh ajaran sepunya semua agama tetapi juga pada prinsipnya oleh sains. Agama dan sains membekalkan ajaran-ajaran universal di dua tahap yang berlainan tetapi yang kedua-duanya diperlukan oleh manusia. Kedua, matlamat umum pendidikan seperti yang digariskan dalam FPK akan sentiasa mengundang pengkritik, pesaing dan pencabar lantaran semangatnya yang bersifat keagamaan. Kewarasan matlamat FPK dan kebijaksanaannya harus dibela dan dipertahankan, khasnya oleh masyarakat akademik di institusi-institusi pengajian tinggi kerana sepatutnya mereka lebih sedar daripada golongan lain akan pelbagai bentuk cabaran terhadap FPK. Khasnya, mereka hendaklah menangani isu-isu keilmuan yang berpuncu daripada kehadiran pelbagai aliran pemikiran dan kepercayaan yang bertujuan untuk melemahkan perspektif agama dalam mendasari FPK. Amat mustahak usaha menangani isu-isu keilmuan berkenaan terbit daripada keinginan untuk memelihara dimensi dan semangat kesejagatan dan keuniversalan dalam FPK yang begitu bererti bagi masyarakat Malaysia yang berbilang agama.

Ketiga, perbandingan antara peranan agama dan peranan sains dalam hubungannya dengan isu FPK memberi peluang baik kepada kita untuk memantapkan lagi peranan saling lengkap melengkapi antara agama dan sains sebagai sumber ilmu tentang manusia dan alam pendidikan. Jika pemantapan ini tercapai Malaysia boleh berbangga dengan kejayaan masyarakatnya dalam usaha mendamaikan hubungan antara agama dan sains dalam ertikata yang sebenarnya.

Matlamat kedua pendidikan yang digariskan dalam pernyataan FPK ialah “melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.” Berbanding dengan matlamat pertama, matlamat ini lebih khusus sifatnya kerana ia merujuk kepada konteks masyarakat yang khusus, iaitu masyarakat dan negara Malaysia. Tegasnya, FPK mempunyai tujuan amali, iaitu untuk melahirkan rakyat Malaysia yang mempunyai ciri-ciri tertentu yang boleh dibanggakan. Ciri-ciri rakyat Malaysia yang dihajatkan ialah berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan dari dua segi utama, iaitu keupayaan mencapai kesejahteraan diri dan keupayaan memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Adalah diperhatikan bahawa semua ciri yang dikenalpasti dan diberi penekanan dalam matlamat kedua ini merupakan ciri-ciri kesejagatan dan universal. Oleh itu, matlamat kedua ini boleh dilihat sebagai rumusan idea yang menggabungkan ciri-ciri universal dengan ciri-ciri khusus.

Pada keseluruhannya, matlamat kedua ini dapat disimpulkan sebagai matlamat untuk melahirkan warganegara Malaysia yang menghayati nilai-nilai universal tetapi yang mencurahkan khidmat dan baktinya terutamanya kepada masyarakat dan negara Malaysia. Matlamat ini sungguh terpuji kerana ia menekankan penghayatan nilai-nilai kerohanian, keintelektualan dan moral dan etika yang dipandang mulia dalam semua agama dan oleh itu yang kesemuanya merupakan nilai-nilai universal. Dari perspektif Islam, sifat berilmu secara serentak menonjolkan nilai keintelektualan dan nilai kerohanian. Akhlak mulia menonjolkan nilai kerohanian dan nilai moral dan etika. Semangat bertanggungjawab menonjolkan nilai moral dan etika. Demikian juga kesediaan untuk berbakti kepada masyarakat dan negara dapat dilihat sebagai manifestasi penghayatan nilai moral dan etika. Malahan keupayaan untuk menjaga diri atau mencapai kesejahteraan diri itu pun dapat dilihat sebagai hasil pemupukan nilai-nilai moral dan etika yang mulia. Justeru itu, seperti yang ditegaskan di kebelakangan ini oleh Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia sekarang, tujuan utama pendidikan ialah untuk memupuk nilai-nilai terpuji di kalangan para pelajar. Oleh itu, katanya, guru-guru agama harus lebih menekankan pemupukan nilai-nilai terpuji dalam pengajaran mereka berbanding dengan aspek-aspek agama yang lain.

Dalam membincarakan matlamat kedua FPK timbul dua soalan utama yang menarik perhatian kita. Soalan pertama, apakah hubungan sebenar antara matlamat ini dengan matlamat pertama? Soalan kedua, apakah kesignifikantan matlamat kedua jika dilihat dari perspektif keseimbangan antara tuntutan keuniversalan dan tuntutan kekhususan? Bagi

menjawab soalan pertama, boleh ditegaskan bahawa matlamat kedua FPK merupakan hasil aplikasi prinsip-prinsip universal yang terkandung dalam matlamat pertamanya kepada konteks masyarakat dan negara Malaysia. Perlembagaan manusia yang terdiri daripada empat unsur asasi, iaitu ruh, akal, jiwa (yang ditunjukkan oleh emosi) dan jasad dan konsep keseimbangan dan keharmonian keempat-empat unsur tersebut dalam diri manusia merupakan prinsip-prinsip universal yang diterima oleh semua agama dan semua tradisi falsafah di dunia yang mengakui wujudnya alam dan realiti bukan fizikal. Pada umumnya prinsip-prinsip universal ini dapat diaplikasikan kepada mana-mana konteks masyarakat dan negara di dunia. Di Malaysia FPKnya menerima prinsip-prinsip ini sebagai kebenaran untuk dirumuskan sebagai matlamat utamanya dan sebagai asas kefalsafahan untuk merumuskan matlamat kedua, iaitu matlamat melahirkan rakyat dan warganegara Malaysia yang mempunyai ciri-ciri kemanusiaan yang universal tetapi pada masa yang sama yang berupaya mencurahkan bakti dan sumbangsan kepada masyarakat dan negara. Pembentukan rakyat dan warganegara yang sedemikian rupa adalah dihajatkan bagi tujuan jangka panjang untuk mewujudkan kesejahteraan masyarakat terutama sekali dari segi keharmonian dan anatar kemakmurannya.

Dalam bahasa yang pernah diungkapkan oleh Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas tentang isu-isu yang menyentuh kedua-dua matlamat ini, matlamat utama pendidikan ialah untuk melahirkan insan yang baik. Relatif kepada matlamat ini matlamat melahirkan warganegara yang baik menjadi isu sekunder meskipun matlamat kedua ini sangat penting kepada masyarakat dan negara. Dari segi konsep dan falsafah, idea insan yang baik mengatasi dan mendahului idea warganegara yang baik. Pada logiknya, penegasan ini memang dapat diterima kerana warganegara yang baik terbentuk daripada insan yang baik. Sekiranya berlaku percanggahan dan konflik antara dua idea itu dari segi teori dan amali, maka itu bererti bahawa falsafah dan ideologi negara berkenaan berada dalam kepincangan. Khasnya, jika idea insan baik dan idea warganegara baik difikir dan dirumuskan dari perspektif keuniversalan, mungkin tidak timbul konflik antara dua idea tersebut.

Bagi menjawab soalan kedua, apa signifikannya matlamat melahirkan warganegara Malaysia yang mempunyai ciri-ciri universal jika dilihat dari perspektif keMalaysiaan, kita boleh menegaskan bahawa adalah menjadi cita-cita Malaysia agar rakyatnya berupaya membangunkan masyarakat dan negara dengan berasaskan nilai-nilai universal dan dengan kesedaran yang baik akan ciri-ciri keunikan dan keistimewaan Malaysia sebagai sebuah negara. Matlamat kedua FPK ini merupakan sebuah kerangka falsafah sosial yang mengimbangi hasrat negara untuk menghayati nilai-nilai universal dan hasrat untuk memupuk nilai-nilai kebangsaan dan tempatan setelah mengambil kira ciri-ciri istimewa negara Malaysia. Falsafah sosial yang mengutarakan matlamat kenegaraan seperti ini boleh disifatkan sebagai suatu gagasan idea yang progresif yang selaras dengan perkembangan zaman dewasa ini.

## Dimensi Ketamadunan Dalam FPK

Dimensi ketamadunan mempunyai pertalian rapat dengan dimensi keuniversalan bukan sahaja di peringkat teori tetapi juga di peringkat amali, yakni dalam alam budaya manusia dan kehidupan kemasyarakatan. Teras tamadun adalah agama. Ini bermakna bahawa oleh kerana setiap agama mempunyai ajaran yang sebahagiannya bersifat universal manakala sebahagian lagi bersifat khusus (“particular”) maka setiap tamadun juga mempunyai sifat yang serupa. Walau bagaimanapun, sesetengah tamadun didapati bersifat lebih universal berbanding dengan yang lain kerana agama yang menjadi terasnya mempunyai dimensi keuniversalan yang lebih luas dalam ajarannya. Sehubungan dengan isu ini ramai ahli ilmu ketamadunan (“civilizational science”) dan perbandingan tamadun berpendapat bahawa Islam adalah agama yang paling universal dan hakikat ini memungkinkan kemunculan tamadun Islam sebagai tamadun yang paling universal.

Menurut ilmu ketamadunan, pembangunan tamadun berasaskan empat rukun atau prinsip. Pertama, asas geografi atau kewilayahannya yang merupakan bahagian bumi yang menjadi tapak pembangunan tamadun berkenaan. Kedua, asas demografi yang merupakan umat atau masyarakat teras yang dianggap sebagai tulang belakang tamadun tersebut. Ketiga, asas ideologi yang merupakan sistem kepercayaan dan pemikiran yang dianuti dan dihayati oleh umat teras atau umat tulang belakang yang dimaksudkan. Keempat, asas hukum dan perundangan yang merupakan sistem kehidupan bermasyarakat dengan segala peraturannya serta nilai-nilai etika yang mendasarinya. Sebagai contoh, tamadun Islam. Tapak geografi awal tamadun Islam ialah di Madinah di bawah pemerintahan Nabi Muhammad s.a.w. Tapak ini kemudian semakin meluas dengan bertambahnya wilayah-wilayah baru yang ditawan oleh Islam. Umat terasnya ialah umat Islam yang menjadi para pengikut Nabi Muhammad s.a.w. Asas ideologinya ialah agama Islam yang ditanzilkan kepada Baginda oleh Allah s.w.t. Intisari agama Islam yang menjadi “ideologi” tamadun Islam ialah ajaran Tawhidnya. Asas hukum dan perundangannya ialah Syariah, iaitu sistem peraturan hidup yang lengkap dan menyeluruh lagi syumul sehingga tiada ruang hidup yang terlepas daripada pandangan dan penilaianya.

Maka berdasarkan teori pembangunan tamadun ini dapat disimpulkan bahawa FPK sangat relevan kepada isu-isu ketamadunan. Malahan, lebih tegas lagi kita boleh mengatakan bahawa sebenarnya penyataan FPK meliputi dimensi ketamadunan. Ini adalah kerana idea-idea yang terkandung dalam kedua-dua matlamat FPK yang telah dibincangkan tadi merupakan idea-idea yang diterima dalam ilmu ketamadunan sebagai pembentuk asas ideologi bagi pembangunan tamadun. Idea-idea yang dimaksudkan, iaitu konsep manusia dan falsafah kemanusiaan yang menekankan pembangunan insan yang seimbang dan harmonis seperti yang terdapat dalam penyataan matlamat pertama pendidikan dalam FPK merupakan juzuk penting dalam asas ideologi bagi pembangunan tamadun. Demikian juga halnya dengan ciri-ciri kemanusiaan yang universal seperti berilmu, berakhlik dan bermoral, bertanggungjawab, berbakti dan berdikari seperti yang terdapat dalam penyataan matlamat kedua pendidikan dalam FPK. Ciri-ciri ini merujuk kepada nilai-nilai ketamadunan yang mendapat tempat penting dalam asas ideologi bagi pembangunan tamadun, khasnya tamadun Islam.

Walaupun pernyataan FPK tidak menyebut perkataan tamadun atau peradaban, namun pada hakikatnya kedua-dua matlamat pendidikan merujuk kepada pembangunan ketamadunan. Jika Malaysia hendak dijadikan sebagai tapak kewilayahannya bagi pembangunan tamadun maka matlamat kedua pendidikan dapat menyediakan asas demografi atau umat teras bagi pembangunan tamadun di negara ini. Atas pertimbangan demografi dengan jumlah penduduk sekitar 60% masyarakat Islam di negara ini boleh pada prinsipnya memainkan peranan sebagai umat teras bagi tujuan pembangunan tamadun Malaysia. Saya menyebut ‘pada prinsipnya’ kerana untuk menjadi umat teras beberapa syarat atau kriteria perlu dipenuhi. Setiap orang Islam perlu memiliki ciri-ciri berilmu, berakhlik, bertanggungjawab, berbakti dan berdikari untuk menjadi anggota umat teras. Tanpa ciri-ciri tersebut dia akan kehilangan kelayakan untuk berada dalam lingkungan umat teras. Ciri-ciri tersebut perlu dicapai menerusi daya usaha sendiri dan bukan menerusi pewarisan atau hak keturunan.

Dari perspektif ketamadunan, ciri berilmu pengetahuan yang patut ada pada setiap warganegara Malaysia membawa implikasi bahawa rakyat negara ini harus sedar dan insaf tentang sejarah negara dan keistimewaannya sebagai negara majmuk atau “pluralistic” yang terdiri daripada rakyat berbilang bangsa dan berbilang agama. Mengetahui sejarah negara ini bukan sahaja bermakna mengetahui sejarah modennya tetapi juga sejarah pra modennya. Dengan itu, rakyat Malaysia akan dapat memahami dengan lebih baik sejarah ketamadunan Malaysia yang pernah terdedah kepada pengaruh tamadun-tamadun besar dunia. Sehubungan dengan isu ini elok juga disebutkan di sini bahawa atas arahan pihak Kerajaan institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini sudah dua dekad melaksanakan pengajaran kursus tamadun-tamadun dunia yang meliputi tamadun Islam, tamadun-tamadun Asia, tamadun Melayu dan tamadun Barat moden. Tidak ada negara lain di dunia yang mempunyai program akademik seperti ini di institusi-institusi pengajian mereka. Pada pendapat saya, pengajaran tamadun-tamadun dunia yang mempunyai hubungan rapat dengan sejarah negara kita di universiti-universiti dan kolej-kolej adalah wajar. Walau bagaimanapun, kurikulum dan kaedah pengajarannya perlu disemak semula supaya kursus berkenaan lebih berkesan dan bermanfaat kepada para pelajar.

Kursus tentang tamadun-tamadun dunia juga relevan dengan hakikat dan realiti masyarakat Malaysia moden dan kontemporari. Masyarakat Malaysia semasa terdiri daripada rakyat pelbagai bangsa, kaum dan kumpulan etnik dan pengikut pelbagai agama yang masing-masing mempunyai hubungan kebudayaan dan dimensi-dimensi lain hubungan ketamadunan dengan sekurang-kurangnya salah satu tamadun dunia. Oleh itu, pendedahan para pelajar institusi pengajian tinggi kepada ilmu ketamadunan seperti yang tersedia dalam kursus tamadun dapat menyumbang kepada usaha untuk memupuk rasa penghargaan yang mendalam terhadap kepelbagaian budaya rakyat Malaysia. Dari perspektif Islam, hikmah kepelbagaian budaya adalah merujuk kepada hikmah penciptaan Tuhan yang menjadikan umat manusia berbilang bangsa, kaum dan bahasa pertuturan supaya mereka saling kenal mengenali antara satu sama lain. Keharmonian budaya amat penting bagi negara majmuk seperti Malaysia. FPK menegaskan bahawa matlamat utama pendidikan dari segi kenegaraan ialah untuk mewujudkan keharmonian dan kemakmuran masyarakat. Dalam hal ini, keharmonian

budaya merupakan salah satu juzuk penting keharmonian masyarakat dan negara. Dan adalah menjadi salah satu matlamat pembangunan tamadun untuk mewujudkan keharmonian dan kemakmuran masyarakat. Dengan itu kelihatan lagi tetapi dari sudut lain kehadiran dimensi ketamadunan dalam FPK.

Sebagai kesimpulan, dapat ditegaskan bahawa meskipun istilah tamadun tidak terdapat dalam pernyataan FPK, namun dapat dihujahkan bahawa FPK menyediakan kerangka konsep dan teori untuk ilmu ketamadunan dan pembangunan tamadun Islam yang bersifat universal tetapi cocok dan harmonis dengan realiti masyarakat Malaysia.

### Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas dan hujah-hujah yang diberikan maka dapat disimpulkan bahawa pada prinsip dan pada asasnya FPK hendaklah dipertahankan. Idea-idea dan prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya tetap benar dan tetap relevan kepada masyarakat dan negara Malaysia dewasa ini. Kebenaran-kebenaran yang berkaitan dengan konsep dan hakikat manusia dan kedua-dua matlamat FPK, iaitu matlamat melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dan matlamat melahirkan warganegara Malaysia yang mempunyai ciri-ciri universal tergolong di dalam kategori kebenaran yang bersifat kekal atau “perennial.” Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan di kalangan pelaksana dan pengamal FPK di peringkat tafsiran, kefahaman dan penghayatan idea-idea yang terkandung dalam FPK.

Oleh kerana kita menekankan hujah bahawa FPK bersifat universal dari segi isi kandungannya dalam erti kata antara lainnya ia diterima oleh semua agama maka eloklah FPK diperbaharui penghuraianya dan pentafsirannya menerusi dialog antara agama supaya ia diterima dengan jujur dan ikhlas dan supaya perlaksanaannya lebih berkesan. Juga wajar ditegaskan bahawa banyak yang sudah berubah di Malaysia khasnya dan di dunia ammnya. Perubahan-perubahan penting berlaku dalam dunia ilmu pengetahuan, dunia pendidikan, di bidang politik, bidang ekonomi dan seterusnya. Perubahan-perubahan ini menuntut supaya FPK dikaji dan dinilai semula dari perspektif-perspektif baru selaras dengan peredaran masa. Cabaran besar yang dihadapi oleh para pembuat dasar dan para pendidik ialah bagaimana hendak mewujudkan keseimbangan dan keharmonian antara aspek-aspek FPK yang patut dikekalkan dan aspek-aspek yang patut berubah.

Dalam merujuk secara khusus kepada isu pengajaran kursus tamadun Islam dan Asia di institusi-institusi pengajian tinggi yang dipersoalkan oleh sesetengah pihak, saya kuat berpendapat bahawa kursus ini wajar dikekalkan. Sebahagian daripada kewajarannya sudah pun saya sebutkan. Walau bagaimanapun, adalah perlu dikaji semula kurikulum, pengajaran dan penilaian supaya kursus ini menjadi lebih menarik dan berkesan. Saya nampak keperluan untuk kurikulumnya dirombak. Apa yang patut disedari oleh semua pihak ialah bahawasanya manfaat dan kebergunaan kursus ini mengatasi kelemahan-kelebihannya. *Wa bihi nastā'in.*